Sebagai pendidik kita mahu melahirkan generasi yang bahagia, bertanggungjawab serta bermanfaat kepada orang lain. Pembelajaran sosioemosi adalah penting untuk mencapai matlamat ini, dan merupakan pelaburan masa depan anak-anak yang terbaik pada hari ini. Seorang pakar psikologi kanak-kanak terkemuka, penyelidik dalam *Social Emotional Learning* (SEL) dari Universiti Rutgers menjelaskan adalah bahaya jika sistem pendidikan membuang program berkaitan emosi dan sosial dari bilik darjah kanak-kanak. Beliau berpendapat bahawa:

> "Kebanyakan masalah di sekolah kami adalah hasil daripada kerosakan dan penghapusan matapelajaran sosial dan emosi dan ramai kanak-kanak telah menderita dan terus menanggung akibatnya. Kanak-kanak di dalam kelas yang melalui pelbagai perasaan keliru atau menyakitkan tidak dapat belajar dengan berkesan. Di dalam proses peradaban dan humanisasi anak-anak kita, sekeping yang hilang itu, tanpa keraguan ialah pembelajaran berkaitan sosial dan emosi".
>
> (Elias, 2019)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Seterusnya dalam ucaptama oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia oleh Dr. Amin Senin, sempena Simposium Kebangsaan Amalan Inkuiri Saintifik (SKAIS, 2019) anjuran Pusat STEM Negara baru-baru ini ada menyebut, "Dalam melahirkan murid yang dinamik dari segi keyakinan, keberanian, keterampilan diri kita terperangkap dalam satu sistem. Sistem ini telah menjadi amalan sejak dahulu dan menyebabkan kita sukar berubah. Sistem yang dimaksudkan ialah adab" (SKAIS, 2019).

Perkembangan emosi kanak-kanak boleh dibina dan diperkembangkan berdasarkan kaedah pengajaran guru yang sesuai (Mohamad Albaree et al., 2019). Nyanyian secara didik hibur merupakan kaedah pengajaran yang berupaya merangsang minat murid untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan (Bolling, 2008; Ramlah, 2013). Kanak-kanak didapati mudah memahami sesuatu pelajaran melalui aktiviti nyanyian (Pantun, 2017). Melalui pendekatan ini, aspek perkembangan fizikal, sosioemosi, kognitif dan bahasa serta potensi kanak-kanak dapat ditingkatkan ke tahap maksimum (KPM, 2010).

Menurut Lestari (2012) kaedah yang kreatif dan inovatif adalah melalui nyanyian kerana ia merupakan sebahagian daripada kehidupan kanak-kanak selain aktiviti bermain. Walau bagaimanapun, nyanyian yang digunakan perlu menggunakan bahasa yang sederhana, lirik yang pendek serta mempunyai objektif yang mampu dicapai sesuai dengan perkembangan kanak-kanak itu sendiri. Umpamanya kajian di Malaysia oleh Mohd Izzuddin (2011) ke atas tujuh orang kanak-kanak berumur lapan tahun di sebuah sekolah rendah mengunakan kaedah nyanyian melalui adaptasi lagu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



kanak-kanak seperti '*Twinle-twinkle Little Star'* dan '*If You Happy*' kepada lagu menghafal nama-nama malaikat mendapati kanak-kanak menunjukkan respon tingkah laku yang baik dan penuh minat dalam aktiviti nyanyian. Dapatan kajian ini mendapati lagu yang telah diadaptasi dan diubahsuai ini menjadi salah satu faktor yang mendorong mereka belajar dengan penuh minat.

Nyanyian merupakan pendekatan yang disukai oleh kanak-kanak, dapat menarik perhatian dan menyenangkan kanak-kanak selain merupakan pendekatan yang dekat dihati kanak-kanak terutama dalam meluahkan emosi. Tambahan lagi golongan kanak-kanak merupakan golongan yang sememangnya sukakan menyanyi dan bergerak (Jamariah & Loy, 2017). Pengetahuan kanak-kanak mudah dibina dan diperoleh melalui proses pengajaran yang aktif dan interaktif berbanding aktiviti pembelajaran yang diterima secara pasif dan reseptif (Katz & Chard, 2000). Atas sebab itu, guru memerlukan satu bahan pengajaran yang menggunakan pendekatan yang menyeronokkan seperti nyanyian dalam pembelajaran berkaitan sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadikan pendekatan didik hibur sebagai alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran murid mulai tahun 2010 sangat dialu-alukan. Walau bagaimanapun ramai guru masih selesa menggunakan pendekatan pengajaran secara tradisional berbanding amalan pembelajaran yang menyeronokkan semasa menyampaikan pengajaran (Owing, Azhar & Shamsudin, 2018). Penggunaan lembaran kerja telah menjadi kebiasaan dalam kalangan guru-guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



prasekolah untuk aktiviti pengukuhan bagi menilai tahap pengetahuan murid untuk sesuatu topik. Penggunaan lembaran kerja yang kerap dalam pengajaran dan pembelajaran mengurangkan peningkatan kemahiran sosial kanak-kanak. Mereka lebih memberi tumpuan untuk menyiapkan lembaran kerja dan kurang berinteraksi dengan rakan sebaya (Azizah, Zaharah & Halim, 2015).

Selain itu, masalah kurang modul atau alat bantuan mengajar yang khusus menyebabkan guru-guru prasekolah kekurangan idea dan tidak tahu bagaimana untuk mengajar tunjang berkaitan sosioemosi kepada murid. Kajian oleh Nor Aizal Akmal, Azlina dan Nora (2012) ke atas guru-guru prasekolah di Johor mendapati guru kekurangan ABM atau modul yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Tunjang Keterampilan Diri. Majoriti murid-murid prasekolah di kawasan kajian mengalami masalah dalam menguasai tunjang Keterampilan Diri terutamanya elemen kecerdasan emosi (Nor Aizal Akmal et al., 2012). Kebanyakan guru didapati kurang memberi penekanan kepada Tunjang Keterampilan Diri dalam PdP prasekolah tambahan pula modul berkaitan kemahiran sosioemosi kurang ditemui.

Pembinaan modul sebagai sumber rujukan guru dilihat sangat penting bagi memenuhi kekurangan bahan rujukan sedia ada (Noor Miza, 2015). Kementerian Pendidikan Malaysia harus menyediakan bengkel atau kursus berkaitan pendekatan didik hibur bagi memantapkan tahap pengetahuan dan sikap guru (Owing et al., 2018). Proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan kecerdasan emosi dan lain-lain elemen dalam tunjang sosiemosi yang dijalankan selama ini lebih kepada sesi perbualan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Ini menyebabkan kaedah yang digunakan kurang menarik, maklumat yang ingin disampaikan kurang jelas, murid sukar untuk memahami seterusnya mengurangkan minat murid untuk terus memberi tumpuan dalam kelas (Nor Aizal Akmal et al., 2012).

Sejajar dengan itu, kemahiran sosioemosi menjadi salah satu aspek yang penting dan perlu diterapkan seawal prasekolah sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang dan harmoni. Penguasaan kemahiran sosioemosi seawal transisi ke prasekolah merupakan satu keperluan bagi memastikan kanak-kanak terdidik dengan emosi yang positif bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi berketerampilan (Zaharah, Mazlina & Nor Aizal Akmal, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia kajian berkaitan aplikasi pengajaran secara didik hibur dalam bilik darjah dianggap sudah tidak asing lagi, umpamanya kajian oleh Zakaria dan Ariff Fadillah, (2011); Saayah, Rohaty dan Nor Aishah (2010); Hasnalee dan Zulkifley (2011); Noraini (2012). Walau bagaimanapun, kajian bagi membangunkan bahan pengajaran yang boleh membantu guru menggunakan pendekatan didik hibur agak kurang dijumpai. Berdasarkan tinjauan literatur dan hasil kajian lepas maka pembangunan modul Kemahiran Awal Pembelajaran Sosioemosi (*My KAPS*) menggunakan pendekatan nyanyian secara didik hibur bagi memperkenalkan kemahiran sosioemosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah bersesuaian dan bertepatan dengan keperluan dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak masakini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan membina modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kajian ini dijalankan melalui tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan modul serta fasa penilaian kebolehgunaan modul.

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian yang hendak dicapai melalui kajian ini adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Fasa Pertama: Analisis Keperluan**

1) Mengenal pasti keperluan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

**Fasa Kedua: Rekabentuk dan Pembangunan Modul**

2) Menentukan rekabentuk dan pembangunan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Fasa ketiga : Penilaian dan Kebolehgunaan Modul**

3) Menentukan penilaian kebolehgunaan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

## 1.6 Soalan Kajian

Bagi memenuhi keperluan objektif kajian, pembangunan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah telah dilaksanakan menggunakan tiga fasa berdasarkan model Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Developmental Research; DDR*) oleh Richey dan Klein (2007) bagi menjawab soalan kajian seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**Fasa Pertama: Analisis Keperluan**

Soalan 1: Apakah keperluan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah?

Sebanyak enam soalan kajian akan dijawab dalam bahagian ini iaitu:

1.1 Apakah kesediaan kanak-kanak semasa kali pertama ke prasekolah?

1.2 Apakah cabaran yang dihadapi guru semasa kali pertama kanak-kanak ke prasekolah?

1.3 Apakah pendekatan pengajaran yang sesuai semasa awal tahun persekolahan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



1.4 Apakah kaedah guru ketika memperkenalkan kemahiran baru kepada kanak-kanak semasa awal tahun?

1.5 Adakah satu keperluan untuk membangunkan modul untuk kanak-kanak semasa awal tahun?

1.6 Apakah ciri-ciri modul yang diperlukan oleh guru untuk kanak-kanak semasa awal tahun?

**Fasa Kedua: Rekabentuk dan Pembangunan Modul**

Soalan 2. Apakah rekabentuk dan pembangunan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak lima soalan kajian akan dijawab dalam bahagian ini iaitu:

2.1 Apakah elemen yang terlibat dalam rekabentuk dan pembangunan modul *My KAPS*?

2.2 Bagaimanakah kaedah nyanyian diaplikasikan dalam rekabentuk dan pembangunan modul *My KAPS*?

2.3 Apakah pembangunan rancangan pengajaran berdasarkan Model Pengajaran *ASSURE*?

2.4 Apakah penilaian modul *My KAPS* dari segi semakan dan kesahan kandungan modul?

2.5 Apakah kebolehpercayaan modul *My KAPS* berdasarkan kajian rintis?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



**Fasa ketiga : Penilaian Modul**

Soalan 3: Apakah penilaian kebolehgunaan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah?

Sebanyak tiga soalan kajian akan dijawab dalam bahagian ini iaitu:

3.1 Apakah kebolehgunaan modul dari segi penglibatan kanak-kanak dengan aktiviti nyanyian menggunakan lagu-lagu dalam Modul *My KAPS*?

3.2 Apakah kebolehgunaan modul dari segi penguasaan kemahiran sosioemosi yang diperolehi kanak-kanak melalui aktiviti nyanyian?

3.3 Apakah kebolehgunaan modul dari segi reaksi, pembelajaran, tingkahlaku dan hasil penguasaan kemahiran sosioemosi yang diperolehi kanak-kanak selepas menggunakan aktiviti nyanyian daripada pandangan guru?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.7 Rasional kajian

Kajian pembangunan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah dijalankan dengan rasional-rasional berikut:

1. Kajian bagi membangunkan bahan pengajaran yang boleh membantu guru menggunakan pendekatan didik hibur agak kurang dijumpai terutama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



dalam bidang prasekolah. Ini kerana didik hibur mula diperkenalkan pada tahun 2011 dan hanya difokuskan kepada murid tahap satu sekolah rendah. Dalam prasekolah istilah 'pendekatan pengajaran yang menyeronokkan' digunakan dan menyebabkan guru kurang jelas dari segi definisi yang lebih fokus. Oleh itu modul *My KAPS* diharapkan dapat membantu guru untuk memperkenalkan pengajaran menggunakan Tunjang Keterampilan Diri secara didik hibur dan menyeronokkan sesuai dengan keperluan murid prasekolah. Tambahan pula murid prasekolah yang kali pertama menyesuaikan diri dibayangi pelbagai jenis emosi seperti takut, resah dan sedih untuk melalui pengalaman baru di prasekolah. Hal ini diakui melalui dapatan kajian oleh (Saadi, Honarmand, Najarian, Ahadi & Askari, 2012) yang mendapati aspek sosioemosi merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan bagi melancarkan proses pembelajaran terutama kepada murid yang mudah resah serta tidak dapat memberikan tumpuan yang baik semasa belajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Tunjang Keterampilan Diri yang fokus kepada kemahiran sosioemosi diajar sebagai mata pelajar sampingan di kelas prasekolah kerana guru menganggap penguasaan kemahiran sosioemosi tidak begitu penting berbanding kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Hal ini dibuktikan melalui dapatan temubual yang dilakukan oleh Nor Aizal Akmal at al. (2012) ke atas guru prasekolah mendapati kebanyakan mereka lebih memberi tumpuan kepada pengajaran tunjang Awal Sains dan Tunjang Bahasa dan Komunikasi berbanding Tunjang Ketrampilan Diri yang hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



diajar sebagai subjek sampingan. Atas sebab itu, modul ini diharapkan dapat membantu guru supaya Tunjang Keterampilan diri bukan hanya diajar sebagai mata pelajaran sampingan semata-mata tetapi sebagai subjek penting dalam prasekolah berbanding subjek akademik lain. Ini sesuai dengan pandangan Goleman (1977) yang menyatakan kejayaan kanak-kanak dalam pembelajaran adalah bermula dengan perkembangan emosi yang sihat.

3. Kaedah pengajaran secara didik hibur dipilih dalam pengajaran modul ini kerana kebanyakan guru tidak mempunyai idea bagaimana untuk memperkenalkan kemahiran sosioemosi kepada murid-murid. Kajian oleh Nor Aizal Akmal et al. (2012) mendapati proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan kecerdasan emosi dan lain-lain elemen dalam tunjang sosioemosi yang dijalankan selama ini lebih kepada sesi perbualan sahaja. Ini menyebabkan kaedah yang digunakan kurang menarik, maklumat yang ingin disampaikan kurang jelas, murid sukar untuk memahami seterusnya mengurangkan minat murid untuk terus memberi tumpuan dalam kelas.

4. Selain itu aktiviti nyanyian merupakan pendekatan yang disukai oleh kanak-kanak, dapat menarik perhatian dan menyenangkan kanak-kanak selain merupakan pendekatan yang dekat dihati kanak-kanak terutama dalam meluahkan emosi. Tambahan lagi golongan kanak-kanak merupakan golongan yang sememangnya sukakan menyanyi dan bergerak (Jamariah, 2017). Oleh itu pengkaji telah memilih pendekatan nyanyian sebagai bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



pengajaran dalam modul ini supaya kanak-kanak merasa seronok untuk datang ke sekolah terutama pada awal tahun.

5. Masalah kurang modul atau alat bantuan mengajar yang khusus menyebabkan guru-guru prasekolah kekurangan idea dan tidak tahu bagaimana untuk mengajar tunjang berkaitan sosioemosi kepada murid. Kajian oleh Nor Aizal Akmal et al. (2012) ke atas guru-guru prasekolah di Johor mendapati guru kekurangan ABM atau modul yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Tunjang Keterampilan Diri. Majoriti murid-murid prasekolah mengalami masalah dalam menguasai Tunjang Keterampilan Diri terutamanya elemen kecerdasan emosi (Nor Aizal Akmal et al., 2012). Kebanyakan guru didapati kurang memberi penekanan kepada Tunjang Keterampilan Diri dalam pdp prasekolah tambahan pula modul berkaitan kemahiran sosioemosi kurang ditemui. Oleh sebab itu, modul ini penting kerana mengandungi kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh kanak-kanak dari segi pengurusan diri, pengurusan emosi dan sosial selain memenuhi standard kandungan Tunjang Keterampilan Diri dalam Kurikulum prasekolah yang terkini.

6. Memandangkan transisi merupakan satu tempoh penting kepada kana-kanak, maka perlu ada satu bahan rujukan yang dapat membantu guru semasa menghadapi kanak-kanak semasa awal tahun di prasekolah. Tambahan pula di prasekolah belum ada bahan pengajaran berkaitan transisi ke prasekolah, maka kajian pembangunan modul ini dianggap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



penting dan boleh dijadikan sumber rujukan guru sebagai bahan pengajaran awal tahun. Kajian ini juga dapat membantu guru untuk merancang keperluan yang sesuai untuk kanak-kanak yang kali pertama memulakan persekolahan atau melalui transisi ke prasekolah. Ini kerana modul ini memberi fokus kemahiran sosioemosi yang sememangnya merupakan keperluan kanak-kanak semasa transisi ke prasekolah. Hal ini turut disokong melalui kajian oleh Zaharah et al. (2017) yang mendapati penguasaan kemahiran sosioemosi seawal transisi ke prasekolah merupakan satu keperluan bagi memastikan kanak-kanak terdidik dengan emosi yang positif bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan generasi berketerampilan.

7. Penguasaan kemahiran sosioemosi menjadi satu keperluan kerana masalah sosial pada hari ini berpunca daripada mereka yang tidak mempunyai kemahiran mengurus emosi. Keadaan ini pastinya membimbangkan negara kerana kanak-kanak hari ini merupakan generasi pewaris negara pada masa depan. Selain itu, masalah tingkah laku, tekanan, kemurungan dalam kalangan kanak-kanak yang berlaku di tadika turut dikaitkan dengan kesan emosi mereka yang tidak stabil (Mohamad Albaree et al., 2019). Sekiranya sejak di prasekolah kanak-kanak tidak diperkenalkan dengan kemahiran mengurus emosi maka keadaan ini akan berlarutan hingga kanak-kanak ini dewasa seterusnya menjejaskan kehidupannya dan turut memberi kesan kepada kesejahteraan negara. Oleh itu modul ini boleh menjadi satu bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



yang boleh membantu kanak-kanak mengurus emosi dengan berkesan melalui aktiviti dan kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan.

8. Teori kecerdasan emosi oleh Goleman digunakan sebagai asas dalam pembangunan isi kandungan modul ini dengan lima elemen iaitu kesedaran kendiri, pengurusan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Teori ini dipilih kerana ia menggabungkan keperluan kemahiran sosioemosi secara beransur maju dari penguasaan kemahiran emosi kepada kemahiran sosial. Ini sangat bersesuaian dengan amalan berasaskan perkembangan (ABP) dalam prasekolah yang memerlukan setiap pengajaran mestilah bermula dari mudah ke sukar.

## 1.8 Signifikan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian pembangunan modul berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah merupakan satu keperluan guru bagi membantu mengurus kanak-kanak semasa awal tahun. Selain itu, kajian ini bakal menjadi panduan kepada pengamal bidang pendidikan awal kanak-kanak termasuk pihak Kementerian Pendidikan, para pentadbir, guru prasekolah serta ibu bapa dari segi kepentingan dan keperluan kemahiran sosioemosi yang sesuai diterapkan kepada kanak-kanak terutama semasa transisi ke prasekolah. Sebagaimana amalan di negara-negara luar yang sangat menghargai kanak-kanak yang merupakan aset berharga kepada negara, seharusnya negara kita turut mengambil pendekatan yang sama bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



memastikan golongan ini diberikan satu platform masa depan yang istimewa. Program-program yang dirancang untuk kanak-kanak perlulah mempunyai elemen-elemen nilai murni, kasih sayang, kegembiraan sesuai dengan fitrah dan keperluan mereka. Guru sebagai *modelling* dalam bilik darjah memberi impak ke atas tingkah laku kanak-kanak sesuai dengan peranan guru itu sendiri sebagai *murabbi* dalam menyampaikan ilmu.

Kajian ini merupakan penambahan kepada ilmu pengetahuan sedia ada dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak selain perkongsian dapatan terkini dalam bidang prasekolah memandangkan kajian pembangunan modul untuk guru prasekolah masih kurang dijumpai. Kajian ini merupakan keperluan guru prasekolah terutama dari segi kaedah pengajaran kemahiran baru berkaitan sosioemosi melalui Tunjang Keterampilan Diri dalam kurikulum prasekolah. Sebagaimana dapatan kajian lepas yang mendapati guru tidak mempunyai panduan khusus dalam pengajaran berkaitan sosioemosi, maka modul ini cuba berkongsi idea melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokkan iaitu nyanyian secara didik hibur. Lagu-lagu yang diperkenalkan dalam modul *My KAPS* lebih berbentuk kemahiran dan rutin harian. Melalui nyanyian secara didik hibur kanak-kanak turut belajar untuk mengurus diri dan emosi seperti menyatakan emosi mereka, kemahiran mengikut giliran, adab bersalam, mengemas alatan selepas digunakan, meminta maaf, bersosial dan lain-lain lagi. Kemahiran yang dikuasai oleh kanak-kanak ini merupakan satu amalan nilai murni yang bukan hanya diamalkan di kelas prasekolah semata-mata sebaliknya turut diamalkan di mana-mana situasi di luar bilik darjah sebagai amalan harian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jika di negara Jepun, kanak-kanak mereka diajar tentang disiplin dan tanggungjawab dengan aktiviti membersihkan kelas setiap hari, melalui modul *My KAPS* kanak-kanak diajar untuk berdikari, mengurus diri dan mengurus emosi. Modul *My KAPS* secara tidak langsung turut membantu guru dari segi kelancaran pengurusan bilik darjah semasa awal tahun. Selain itu, modul ini turut mempraktikkan amalan dalam pembelajaran abad ke-21 iaitu kolaborasi, komunikasi, kreativiti dan kritis serta nilai murni dan etika (4K + 1N) sebagaimana yang disarankan melalui Naratif Baharu Amalan Pendidikan dalam Fokus dan Gerak Kerja Profesional KPM 2019.

Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh ramai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Misalnya, dapatan kajian dapat membantu golongan guru untuk memahami kekuatan serta kelemahan yang dimiliki oleh kanak-kanak berdasarkan tahap kecerdasan sosioemosi mereka. Sebagaimana kebanyakan dapatan kajian yang mendapati kemahiran sosioemosi merupakan keperluan semasa transisi ke prasekolah maka perlu ada kajian-kajian lain yang seumpamanya bagi membincangkan isu berkaitan prasekolah di Malaysia. Kanak-kanak umpama kain putih, ibu bapalah pencorak warna warni kehidupan yang bakal dilalui oleh kanak-kanak itu dimana kesannya membawa hingga ke dewasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Selain itu, hasil kajian ini juga bermanfaat kepada ibu bapa kerana ia merupakan cerminan kepada pendekatan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh mereka dalam membesarkan anak-anak seterusnya perkembangan sosioemosi mereka hari ini (Abdul Adib, Lailawati & Agnis, 2017). Di sekolah tanggung jawab ibu bapa diserahkan kepada guru yang terlatih dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Harapan ibu bapa kepada guru, dan harapan guru kepada ibu bapa merupakan satu kolaborasi yang istimewa bagi memastikan kanak-kanak ini diberi didikan sebaiknya samada di rumah atau di sekolah. Oleh itu peranan ibu bapa tidak terkecuali malah sama penting dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menjayakan anak-anak mereka yang mula menjejak kaki ke alam persekolahan. Tanpa sokongan ibu bapa, proses pembelajaran kanak-kanak di prasekolah sukar dilaksanakan kerana selain guru yang merupakan *modelling* pembelajaran kanak-kanak di sekolah, ibu bapa merupakan guru pertama yang menjadi contoh tingkah laku kanak-kanak di rumah.

Kolaborasi guru dan ibu bapa sangat penting terutama ketika kanak-kanak memulakan pengalaman awal ke sekolah. Jika di negara Barat, tempoh tiga bulan pertama persekolahan ibu bapa membuat aktiviti bersama-sama anak mereka dalam bilik darjah bagi memupuk kesejahteraan emosi dan kasih sayang supaya anak-anak merasa dihargai. Walau bagaimanapun amalan ini jarang berlaku di prasekolah di negara ini, namun penglibatan ibu bapa dari segi sokongan, idea dan wang ringgit turut diperlukan sebagai menunjukkan komitmen ibu bapa kepada pendidikan yang dilalui oleh anak mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pendidikan awal kanak-kanak yang berkesan bakal menghasilkan insan yang seimbang antara keperluan rohani, jasmani, intelek, emosi dan sosial sebagaimana dihasratkan menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berusia hampir 30 tahun. Inilah kemenjadian murid yang diharapkan oleh negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Apabila permasalahan telah dikenal pasti di peringkat akar umbi, proses ke arah penyelesaian masalah seterusnya perlu seiring supaya hasilnya bakal menghasilkan satu lonjakan paradigma baru dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Diharapkan kajian ini turut membantu negara bagi mendapat gambaran awal persediaan generasi hari ini yang bakal memberi impak besar kepada pembangunan negara bangsa pada masa hadapan bermula dengan penguasaan kemahiran sosioemosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.9 Definisi Istilah

Bahagian ini membentangkan definisi istilah secara operasional yang terlibat dalam kajian pembangunan modul berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Definisi operasional menetapkan prosedur penting bagi mengesan, mengukur atau memanipulasi sesuatu konsep yang abstrak. Suatu konsep yang abstrak atau konstruk dalam kerangka teoritikal diterjemahkan menjadi variabel yang boleh diukur. Oleh itu, definisi operasi membolehkan pengkaji mengukur variabel yang menjadi penghubung antara tahap teori-konstruk dan tahap pemerhatian. Selain itu, ia juga membolehkan pengkaji

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



memahami keseluruhan kajian secara sistematik dengan menyusun dan melaksana kajian secara jelas.

### 1.9.1 Modul *My KAPS*

Modul Kemahiran Awal Pembelajaran Sosioemosi atau *My KAPS* dibina berdasarkan Teori Kecerdasan Emosi, Goleman (1995) dan Tunjang Keterampilan Diri (KSPK, semakan 2017). Kandungan modul terdiri daripada tiga bahagian iaitu panduan guru, aktiviti pengajaran dan penilaian. Modul ini dibangunkan berdasarkan lima elemen daripada Teori Kecerdasan Emosi Goleman (1985) yang dinamakan sebagai unit dan disusun mengikut 13 lagu mengikut kemahiran seperti Jadual 1.1 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

*Isi Kandungan Aktiviti Modul My KAPS*

| Unit | Aktiviti/Lagu |
|---|---|
| Kesedaran Kendiri | 1. Seronoknya ke Sekolah<br>2. Hulurkan Tanganmu |
| Pengurusan Emosi | 3. Sabarlah Sayang<br>4. Luahkan Emosimu<br>5. Oh, *Traffic Light*, Merah Jangan Marah! |
| Motivasi Kendiri | 6. Saya Boleh!<br>7. Saya Budak Baik<br>8. Barisan Cantik |
| Empati | 9. Maafkan Saya<br>10. Tanganku Ada Dua |
| Kemahiran Sosial | 11. Jom Kita Berkumpul<br>12. Mari Bermain Bersama<br>13. Kelasku Bersih |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Jadual 1.1 menunjukkan lagu-lagu dalam modul terdiri daripada kemahiran yang ingin diperkenalkan. Sebagai contoh kemahiran mengikut giliran diperkenalkan melalui lagu Barisan Cantik, manakala kemahiran memberi salam dan pujian diperkenalkan melalui lagu Hulurkan Tanganmu. Kemahiran yang diperkenalkan dalam modul *My KAPS* memenuhi standard pembelajaran yang diperlukan dalam Tunjang Keterampilan Diri dalam kurikulum prasekolah.

### 1.9.2 Kemahiran Sosioemosi

Kemahiran sosioemosi merupakan aspek perkembangan yang penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak kerana merupakan asas kepada perkembangan, pembelajaran dan kejayaan mereka seterusnya. Modul *My KAPS* terdiri daripada lima elemen kemahiran sosioemosi iaitu kesedaran kendiri, pengurusan emosi, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial.

Kelima-lima elemen kemahiran sosioemosi ini meliputi 13 jenis kemahiran dalam modul iaitu:

1. Mengenal emosi sendiri dan orang lain
2. Memberi salam dan pujian
3. Mengawal diri untuk bertenang
4. Menyatakan kemarahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



5. Mengawal marah dan gerak hati
6. Menyelesaikan masalah
7. Mengikut peraturan, rutin dan arahan
8. Mengikut giliran/beratur
9. Tahu bila dan bagaimana untuk meminta maaf dan memaafkan orang lain.
10. Empati dengan perasaan orang lain
11. Kemahiran membuat aktiviti dengan rakan sebaya/ berkumpulan
12. Berkongsi mainan dan alatan
13. Membantu orang dewasa dan rakan sebaya

Kesemua kemahiran ini diperkenalkan melalui nyanyian yang diubahsuai daripada melodi lagu kanak-kanak yang popular seperti *Baby Shark Do Do, Happy Birthday, Rasa Sayang Eh, Kalau Rasa Gembira* dan lain-lain lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.9.3 Nyanyian

Nyanyian atau lagu kanak-kanak terdiri daripada lagu permainan jari, lagu beraksi, lagu rakyat, lagu permainan, lagu unsur nasihat, lagu ucapan dan lagu serantau. Nyanyian dalam modul *My KAPS* terdiri daripada 13 jenis lagu yang menggabungkan kesemua jenis lagu kanak-kanak bagi pengajaran berkaitan kemahiran sosioemosi. Kesemua lagu dalam modul *My KAPS* merupakan gubahan pengkaji sendiri dengan menggunakan melodi lagu kanak-kanak sedia ada yang sering digunakan dalam kelas prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Antaranya seperti lagu Seronoknya Ke Sekolah menggunakan melodi lagu *Baby shark do do do*, lagu Hulurkan Tanganmu menggunakan melodi lagu *Happy Birthday To You*, lagu Luahkan Emosimu menggunakan melodi *Lagu Kalau Rasa Gembira*. Penggunaan melodi yang sudah popular ini bertujuan memudahkan guru ketika memperkenalkan lagu dalam modul ini.

Lagu-lagu yang dipilih juga pendek dan dinyanyikan secara berulang-ulang sambil membuat aksi gerakan yang sesuai hingga kemahiran yang diperkenalkan dikuasai. Sebagai contoh kanak-kanak diajar untuk mengamalkan adab bersalam sesama guru dan rakan sebelum pulang melalui lagu Hulurkan Tanganmu menggunakan melodi '*Happy Birthday To You'*. Lagu ini dinyanyikan berulang kali sambil murid-murid bergerak untuk bersalam dengan guru dan kawan-kawan. Apabila dilakukan setiap hari sebagai amalan rutin sebelum pulang, lama-kelamaan murid akan menguasai teknik bersalam yang betul yang diperkenalkan melalui rancangan pengajaran berkaitan kemahiran menguasai adab bersalam (petua 3S iaitu senyum, sapa dan salam).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.4 Didik Hibur

Didik hibur merupakan satu pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang bersifat santai dan berhibur. Modul *My KAPS* menggunakan pendekatan nyanyian secara didik hibur untuk memperkenalkan kemahiran sosioemosi kerana kemahiran yang diperkenalkan dalam modul ini turut menggunakan elemen-elemen lain dalam didik hibur antaranya sesi tayangan video, bercerita, bermain dan lain-lain aktiviti yang menyeronokkan. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam modul *My KAPS* berasaskan amalan yang menyeronokkan menggunakan pendekatan nyanyian atau *rhyme* secara didik hibur.

Melalui nyanyian kanak-kanak mampu meluahkan emosi, mempamerkan dan mengurus emosi dengan baik. Selain itu, aktiviti-aktiviti lain berbentuk didik hibur seperti sesi bercerita, simulasi, bermain dalam kumpulan, dan aktiviti menggunakan ICT turut dimuatkan dalam modul ini. Pendekatan nyanyian secara didik hibur yang dipilih sebagai pendekatan guru ketika memperkenalkan kemahiran sosioemosi dalam modul ini menjadikan modul ini sesuatu yang baru dan memudahkan guru kerana cara pengajarannya lebih santai dan menyeronokkan sesuai dengan keperluan kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.9.5 Tunjang Keterampilan Diri

Tunjang Keterampilan Diri merupakan salah satu tunjang pengajaran dalam kurikulum prasekolah. Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada perkembangan sosioemosi dan pembinaan kemahiran berinteraksi serta kemahiran sosial dalam kalangan murid. Pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum juga ditekankan dalam Tunjang Keterampilan Diri (KSPK 2017, ms. 4). Melalui Tunjang Keterampilan Diri kanak-kanak belajar kemahiran mengurus diri, mengurus emosi, mengurus tingkah laku dan bersosialisasi.

Dalam kajian ini, isi kandungan modul *My KAPS* yang dibangunkan turut merujuk standard kandungan berdasarkan Tunjang Keterampilan Diri yang terdiri daripada tiga konstruk utama iaitu: (1) Kemahiran mengenali dan mengurus emosi, (2) kemahiran mencapai emosi yang positif dan (3) kebolehan membina kemahiran sosial. Guru bertanggungjawab membina kemahiran sosioemosi murid secara berkesan dengan mewujudkan peluang pembelajaran melalui pelaksanaan rutin harian, interaksi, penyediaan persekitaran kelas dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang terancang atau secara spontan (KSPK semakan 2017, ms. 81).

Konstruk-konstruk dalam Tunjang Keterampilan Diri disesuaikan dengan aktiviti dalam modul *My KAPS* supaya guru boleh menggunakan modul *My KAPS* sebagai panduan dalam pengajaran Tunjang Keterampilan Diri dalam kelas prasekolah. Kesemua kemahiran yang diperkenalkan dalam modul *My KAPS* disusun supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



memenuhi Standard Pembelajaran dalam Tunjang Keterampilan Diri yang perlu dikuasai murid sepanjang tahun persekolahan.

### 1.9.6 Kanak-kanak Prasekolah

Kanak-kanak prasekolah bermakna kanak-kanak yang belum memasuki alam persekolahan sebenar termasuk kanak-kanak dari prasekolah KPM, Tadika KEMAS, PERPADUAN atau prasekolah swasta seperti Tadika Islam, PASTI dan Tadika swasta. Berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010), kanak-kanak prasekolah adalah mereka yang berumur antara empat hingga enam tahun. Kajian ini melibatkan enam orang kanak-kanak iaitu empat orang lelaki dan dua orang perempuan dari dua buah kelas tadika iaitu Tadika M dan Tadika P yang terletak di Daerah Kuala Kangsar. Kanak-kanak yang terlibat merupakan mereka yang berumur empat hingga lima tahun yang kali pertama melalui pengalaman ke prasekolah. Mereka dipilih berdasarkan persetujuan oleh ibu bapa untuk terlibat semasa pengumpulan data kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 Kerangka Konsepsual

Kerangka konsepsual merupakan gabungan keseluruhan tentang saling hubungan antara variabel-variabel yang diselidiki dalam suatu kajian. Satu prinsip penting yang perlu diikuti dalam membina kerangka konsepsual kajian ialah keperluan kepada keseluruhan reka bentuk dan pelaksanaan kajian dan kepekaan terhadap saling kaitan di antara komponen-komponen dalam kerangka yang dipersembahkan. Prinsip ini adalah bertujuan mengelakkan daripada unsur perpecahan dan ketidaktetapan yang sering terdapat dalam usul-usul penyelidikan dan tesis-tesis (Mildred & Shuki, 2007). Kerangka konsepsual selanjutnya mengembangkan kaitan penting antara teori dan realiti dengan menterjemahkan hubung kait tersebut dalam istilah-istilah operasional dalam kajian pembangunan modul berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kesemua elemen-elemen yang terlibat dalam kajian pembangunan modul *My KAPS* ditunjukkan pada rajah 1.1 di bawah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi






*Rajah 1.1*. Kerangka Konsepsual Kajian

05-4506832 ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1 menunjukkan kesemua elemen yang terlibat dalam pembangunan modul *My KAPS* berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Pembangunan modul *My KAPS* bermula dengan nyanyian secara didik hibur sebagai asas utama kandungan modul ini yang digabungkan bersama lima elemen utama dalam Teori Kecerdasan Emosi, Goleman iaitu kesedaran kendiri, pengurusan emosi, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial dan tiga elemen dalam Tunjang Keterampilan Diri iaitu Kemahiran mengenali dan mengurus emosi, kemahiran mencapai emosi yang positif dan kebolehan membina kemahiran sosial. Pada akhir penggunaan modul *My KAPS* kanak-kanak diharap dapat menguasai kemahiran sosioemosi iaitu;

1. Mengenal emosi sendiri dan orang lain.
2. Mengurus emosi dengan berkesan dalam kelas prasekolah.
3. Meningkatkan motivasi sepanjang aktiviti pembelajaran.
4. Bersikap empati dalam pergaulan.
5. Mengamalkan kemahiran sosial sesama rakan sebaya dengan berkesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, rekabentuk dan pembangunan modul dan penilaian kebolehgunaan modul. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan maklumat berkaitan pembangunan modul berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Pemilihan sampel dalam kajian ini adalah secara bertujuan (*purposive sampling*). Pengumpulan data kajian fasa analisis keperluan melibatkan 10 orang guru prasekolah Daerah Kuala Kangsar yang dilaksanakan secara kualitatif menggunakan kaedah perbincangan kumpulan berfokus bagi mengenalpasti keperluan pembangunan modul.

Fasa rekabentuk dan pembangunan modul melibatkan 10 orang panel pakar untuk kesahan kandungan modul manakala kajian rintis untuk data kebolehpercayaan modul melibatkan 31 orang guru sebagai pengguna modul. Fasa penilaian kebolehgunaan modul dilaksanakan ke atas enam orang kanak-kanak dan dua orang guru dari dua buah tadika swasta di daerah Kuala Kangsar. Walau bagaimana pun sebagai data sokongan, data temubual kebolehgunaan modul turut melibatkan dua orang guru prasekolah KPM yang menggunakan Modul *My KAPS* sebagai bahan pengajaran dalam kelas prasekolah masing-masing. Kepelbagaian maklumat berkaitan kebolehgunaan modul ini diperlukan bagi mengenalpasti keperluan dan cabaran-cabaran antara guru prasekolah KPM dan Tadika swasta sebagai maklumat untuk perbincangan pada bahagian implikasi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.12 Rumusan

Bab pengenalan kajian ini telah membincangkan isu kajian dari segi latar belakang kajian, penyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konsepsual kajian, definisi istilah, limitasi kajian, dan kepentingan kajian. Kajian ini bertujuan membangunkan modul berasaskan nyanyian secara didik hibur bagi penerapan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Bab ini turut membentangkan kerangka konsepsual kajian yang menunjukkan keseluruhan proses pembangunan Modul Kemahiran Awal Pembelajaran Sosioemosi; *My KAPS*. Bab ini juga merupakan tulang belakang kajian dari segi isu utama permasalahan yang menjadi punca kenapa kajian ini dilaksanakan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi satu sumbangan selain memberi impak ke arah perubahan yang lebih baik dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak pada masa hadapan terutama dalam perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi